



**Kempen Children Year-Long - Terma & Syarat**

1. Kempen Children Year-Long (“**Kempen**”) bermula pada 1 Januari 2023 dan tamat pada 31 Disember 2023 (termasuk kedua-dua tarikh), melainkan diberitahu sebaliknya (“**Tempoh Kempen**”).
2. Kempen ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (200701029411) (dirujuk secara kolektif sebagai “**Maybank**”) dan tertakluk pada Terma-terma dan Syarat-syarat berikut (“**Terma dan Syarat**”).
3. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 5 dan 6) bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat ini dan segala keputusan yang dibuat oleh Maybank berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

**Kelayakan**

4. Kempen ini terbuka kepada semua pemegang akaun amanah/individu baharu dan sedia ada daripada senarai akaun yang mengambil bahagian berikut (“**Akaun Penyertaan**”):

Akaun Konvensional	Akaun Patuh Shariah
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Yippie Club Savings Account (“<b>Yippie</b>”)</li> <li>• imteen Savings Account (“<b>imteen</b>”)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Yippie-i Account</li> <li>• imteen-i Account</li> </ul>

Maybank dan Maybank Islamic ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”). Semua Akaun Penyertaan dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

5. Yippie dan Yippie-i Account ialah akaun simpanan untuk kanak-kanak di bawah umur lapan belas (18) tahun. Ia hanya boleh dibuka di bawah nama, dan dikekalkan oleh ibu bapa atau penjaga sah (berumur sehingga enam puluh (60) tahun sahaja) kanak-kanak tersebut. Ibu bapa atau penjaga yang sah akan menjadi pemegang amanah bagi akaun tersebut. Hanya pemegang amanah boleh mengendalikan akaun tersebut.
  - i. Bagi Kempen ini, kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang dinamakan dalam akaun layak sebagai Pelanggan Yang Layak dan hanya pemegang amanah seperti yang diterangkan dalam klausa 5 di atas dibenarkan untuk mengendalikan akaun Pelanggan Yang Layak. Kanak-kanak tersebut dengan pemegang amanah kedua-duanya dirujuk sebagai “**Pelanggan Yang Layak**”.
6. imteen dan imteen-i Account ialah akaun simpanan untuk kanak-kanak yang berumur dua belas (12) tahun tetapi di bawah umur lapan belas (18) tahun. Akaun akan dibuka di bawah nama kanak-kanak; dan ibu bapa atau penjaga sah (berumur sehingga enam puluh (60) tahun sahaja) kanak-kanak tersebut mesti melaksanakan surat tanggung rugi untuk menanggung rugi Bank kerana membenarkan kanak-kanak mengendalikan akaun tersebut.
  - i. Bagi Kempen ini, kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang dinamakan dalam akaun layak sebagai “**Pelanggan Yang Layak**”.
7. Sekiranya kanak-kanak mencecah umur 18 tahun semasa Tempoh Kempen, pelanggan tersebut tidak layak untuk Kempen ini.
8. Semua kakitangan Maybank dan anak-anak mereka (kecuali kakitangan yang terlibat secara langsung dalam pemilihan pemenang untuk Kempen ini dan keluarga terdekat mereka) layak menyertai Kempen ini.



**Kriteria Kelayakan & Mekanisma Kempen**

9. Untuk melayakkan diri dalam cabutan hadiah bulanan Kempen ini, Pelanggan Yang Layak mesti memenuhi kriteria yang berikut:

- i. Membuka/memegang mana-mana Akaun Penyertaan;
- ii. Mempunyai penambahan Baki Purata Harian (“BPH”) minimum sebanyak RM250 setiap bulan; dan
- iii. Kekalkan minimum Baki Akhir Bulan (“BAB”) sebanyak RM250 pada setiap akhir bulan Kempen.

10. Pelanggan Yang Layak akan menerima penyertaan/penyertaan bonus (“Penyertaan”) untuk cabutan hadiah bulanan berdasarkan jadual yang tertera berikut:

Transaksi/Aktiviti	Penyertaan
Setiap penambahan RM250 BPH bagi bulan tersebut	Lima (5) penyertaan
Pemegang akaun patuh Syariah (iaitu, Yippie-i, imteen-i)	Sepuluh (10) penyertaan bonus*
Pembukaan akaun baharu semasa Tempoh Kempen	Dua puluh (20) penyertaan bonus*

\*Penyertaan bonus diberikan sekali sahaja, tertakluk kepada memenuhi **Kriteria Kelayakan** yang ditakrifkan dalam Klausula 9.

11. Untuk melayakkan diri dalam cabutan hadiah suku tahunan Kempen ini, Pelanggan Yang Layak mesti memenuhi kriteria bulanan (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 9) untuk tiga bulan berturut-turut pada suku tahun masing-masing:

- Suku Tahun 1: Januari – Mac 2023
- Suku Tahun 2: April – Jun 2023
- Suku Tahun 3: Julai – September 2023
- Suku Tahun 4: Oktober – Disember 2023

Pelanggan Yang Layak akan menerima satu (1) penyertaan untuk cabutan hadiah suku tahunan apabila memenuhi kriteria di atas.

12. Penyertaan daripada cabutan hadiah bulanan dan suku tahunan tidak terkumpul atau dibawa ke cabutan hadiah berikutnya.

13. Pengiraan BAB adalah seperti berikut:

BAB = Baki simpanan dalam akaun pada akhir bulan berkenaan

14. Pengiraan penambahan BPH bagi cabutan hadiah bulanan Kempen adalah seperti berikut:

- i. Bagi akaun baharu (pada bulan pertama pembukaan akaun):

Penambahan BPH bagi bulan tersebut =  

$$\frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian dari tarikh pembukaan akaun sehingga akhir bulan}}{\text{Bilangan hari dari tarikh pembukaan akaun sehingga akhir bulan}} - \text{Garis Dasar}$$

- ii. Bagi akaun sedia ada dan akaun baharu (bulan kedua pembukaan akaun dan seterusnya):

Penambahan BPH bagi bulan tersebut =  

$$\frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian pada bulan Kempen berkenaan}}{\text{Bilangan hari dalam bulan Kempen berkenaan}} - \text{Garis Dasar}$$



**15. Pengiraan Garis Dasar adalah seperti berikut:**

- i. Bagi akaun baharu yang dibuka semasa Tempoh Kempen, Garis Dasar bagi bulan pertama pembukaan akaun adalah sifar (0).
- ii. Bagi akaun sedia ada dan akaun baharu dalam bulan kedua pembukaan akaun dan seterusnya, Garis Dasar adalah BPH dari bulan sebelum. Contoh:

$$\text{Garis Dasar bagi Januari 2023} = \text{BPH Disember 2022} = \frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian pada bulan Disember 2022}}{31 \text{ hari}}$$

**16.** Tiada pendaftaran diperlukan untuk menyertai Kempen ini. Penyertaan daripada semua Pelanggan Yang Layak akan diambil kira secara automatik oleh sistem Maybank. Sekiranya Pelanggan Yang Layak memegang lebih daripada satu Akaun Penyertaan, Penyertaan akan diberikan kepada setiap Akaun Penyertaan berdasarkan penambahan BPH masing-masing.

**17.** Pemenang akan dipilih daripada kumpulan Pelanggan Yang Layak menggunakan program rawak Maybank pada setiap akhir bulan dalam **Tempoh Kempen** atau pada bila-bila masa yang dianggap sesuai oleh Maybank ("Pemenang").

**Hadiah Kempen ("Hadiah")**

**18.** Kempen ini menawarkan Hadiah Bulanan seperti berikut:

Hadiah Bulanan	Bilangan Pemenang
RM50 hadiah wang tunai	100 setiap bulan (50 Yippie/-i; 50 imteen/-i)

**19.** Kempen ini menawarkan Hadiah Suku Tahunan seperti berikut:

	Hadiah Suku Tahunan	Bilangan Pemenang
Suku Tahun 1 (Jan - Mac)	LEGO Ninjago Temple Of The Endless Sea (Harga runcit yang disyorkan: RM549.90)	10 setiap suku tahun (5 Yippie/-i; 5 imteen/-i)
Suku Tahun 2 (Apr - Jun)	Globber Elite Prime Navy Blue Scooter (Harga runcit yang disyorkan: RM539.50)	
Suku Tahun 3 (Jul - Sept)	Lenovo Tab M7 Gen 3 (2GB, 32GB, LTE) (Harga runcit yang disyorkan: RM549)	
Suku Tahun 4 (Okt - Dis)	3 keping tiket masuk Genting Skyworlds (Harga runcit yang disyorkan: RM567)	

**20.** Setiap Pelanggan Yang Layak hanya berhak memenangi secara maksima satu (1) Hadiah Bulanan dan satu (1) Hadiah Suku Tahunan. Sekiranya seorang Pelanggan Yang Layak (kanak-kanak) memegang lebih daripada satu akaun Penyertaan yang layak memenangi Hadiah, tanpa mengira jenis produk, Pelanggan Yang Layak (kanak-kanak) tersebut hanya berhak memenangi secara maksima satu (1) Hadiah Bulanan dan satu (1) Hadiah Suku Tahunan.

**21. Pendedaran Hadiah**

- i. Pemenang perlu memegang sekurang-kurangnya satu (1) Akaun Penyertaan yang sah dan aktif untuk pengkreditan Hadiah Wang Tunai Bulanan. Sebarang Hadiah Wang Tunai yang tidak berjaya dikreditkan akan dibatalkan.



- ii. Pemenang mesti mempunyai nombor telefon bimbit dan alamat emel yang sah didaftar dengan Maybank untuk dihubungi bagi pengedaran Hadiah Suku Tahunan. Pemenang bertanggungjawab untuk memastikan maklumat perhubungan yang disimpan dalam rekod Maybank adalah terkini.
  - iii. Hadiah Kempen ini akan diedarkan secara progresif semasa Tempoh Kempen. Semua Hadiah Kempen akan diedarkan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas Tempoh Kempen berakhir, iaitu sebelum 31 Mac 2024.
  - iv. Maybank boleh melantik vendor pihak ketiga yang dianggap sesuai untuk pemenuhan dan pengedaran Hadiah kepada Pemenang.
  - v. Maybank berhak untuk menggantikan Hadiah (nilai yang akan ditentukan oleh Maybank) atas sebab-sebab yang dianggap wajar oleh Maybank. Maybank akan memberitahu Pemenang melalui mana-mana cara komunikasi yang dianggap sesuai oleh Maybank.
  - vi. Hadiah akan diberi secara sedia ada ('as is' basis) dan tidak boleh dipindah milik atau ditukarkan, sama ada sebahagian atau sepenuhnya, dan tertakluk kepada Terma dan Syarat.
  - vii. Selepas pengedaran, Maybank tidak akan bertanggungjawab lagi ke atas penggunaan Hadiah.
  - viii. Sebarang Hadiah yang tidak dituntut selepas 30 April 2024 akan dibatalkan.
- 22.** Pemenang dikehendaki untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain apabila diperlukan (jika ada) dan Pemenang bersetuju untuk mendedahkan maklumat berkaitan melalui mana-mana cara yang ditentukan oleh Maybank. Kegagalan untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain mungkin akan menyebabkan pembatalan Hadiah.
- 23.** Pelanggan Yang Layak yang menutup akaun sebelum pemilihan Pemenang dan pengedaran hadiah diselesaikan dan dimaklumkan tidak layak menerima Hadiah Kempen ini.
- 24.** Hanya Akaun Penyertaan yang aktif sahaja layak menyertai Kempen ini. Akaun Penyertaan dalam status tidak aktif ('dormant') tidak akan diambil kira.
- 25.** Keputusan Maybank mengenai semua perkara berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau usaha untuk mempertikaikan perkara yang sama tidak akan dilayan sama sekali.
- 26.** Gambar Hadiah yang dipamerkan dalam iklan, promosi, dan bahan-bahan publisiti lain berkaitan dengan Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan spesifikasi sebenar mungkin berbeza.
- 27.** Sebarang pertikaian berkaitan kualiti, kebolehdagangan dan/atau jaminan Hadiah (yang berkenaan) mesti diselesaikan antara Pemenang dengan pengedar/pembekal tanpa melibatkan Maybank. Maybank tidak bertanggungjawab atas pelanggaran kualiti atau jaminan Hadiah, atau apa-apa terma dan syarat yang berkaitan.
- 28.** Setiap Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab secara peribadi keatas segala cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan, di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada.



29. Jika terdapat apa-apa pertikaian (kecuali pertikaian di bawah Klausa 27) berkaitan pengedaran hadiah atau tiada penerimaan Hadiah, Pemenang dikehendaki menghubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di 1300 88 6688 untuk meminta siasatan dijalankan. Permintaan terhadap apa-apa siasatan tidak akan dilayan selepas 30 April 2024.

#### **Terma dan Syarat Am**

30. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2uBiz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
31. Maybank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) notis terlebih dahulu, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
32. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
33. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberikan kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut penyata privasi Maybank yang boleh didapati di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) ("*Maybank Privacy Statement*") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan Yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- i) tujuan Kempen; dan
- ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk bekerja sama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen.

\*Nota: "PDPA" merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).



- 34.** Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggung terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau yang berhubung dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh apa-apa kecuaiian atau peninggalan melampau oleh Maybank.
- 35.** Maybank tidak akan bertanggung bagi apa-apa kegagalan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- 36.** Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen.
- 37.** Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- 38.** Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my).